

Ucapan Aluan Naib Canselor  
Y.Bhg. Profesor Dr. Asma Ismail  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena  
**Dialog Mahabbah Menteri Mentor  
Bersama Mahasiswa-Mahasiswi USIM**

Dewan Kuliah Pusat 3 (DKP3)  
9.45 pagi  
21 Disember 2012M / 7 Safar 1434H (Jumaat)

---

*Terima kasih pengerusi majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam Satu Malaysia*

**Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Mentor USIM

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin**  
Pengerusi Lembaga Pengarah USIM

**Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor**

**Pegawai-pegawai Kanan USIM**

**Para Pelajar Yang Dihormati Sekalian**

1. Bagi pihak Universiti Sains Islam Malaysia, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Mentor USIM**, kerana sudi meluangkan masa untuk bertemu dengan para pelajar USIM hari ini sempena **Majlis Dialog**

**Mahabbah Menteri Mentor Bersama Pelajar.** Sebagai tuan rumah, saya berbesar hati mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Dato' Seri. Saya juga ingin mengalu alukan kehadiran Y.Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Abdul Shukor, Pengarah Lembaga Pengarah Universiti yang juga dapat bersama kita pada pagi ini.

2. Para pelajar sekalian, hari ini merupakan hari ke-21 saya menjadi NC USIM dan *Alhamdulillah* pada pagi Jumaat yang mulia ini saya dapat bertemu bersama para pelajar sekalian. In-sya-Allah kita akan ada banyak lagi pertemuan selepas ini untuk juga mengadakan sesi dialog dengan para pelajar dan juga dengan Majlis Perwakilan Pelajar dalam masa terdekat.

### **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

3. Hari ini, saya tidaklah mahu berucap panjang kerana sebentar lagi saya akan serahkan majlis ini kepada **Yang Berhormat Dato' Seri** untuk sesi bersama mahasiswa/i.

4. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin mengambil perhatian kepada mahasiswa-mahasiswi sekalian, bahawa peluang untuk belajar secara kondusif tidak semua negara membangun mampu menyediakannya. Mahasiswa-mahasiswi sekalian harus bersyukur kerana Malaysia mampu menyediakan pusat pengajian tinggi yang selesa dan membelanjakan berbillion ringgit semata-mata untuk pendidikan. Malaysia amat komited dalam soal pendidikan. Pada tahun ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar sebanyak 50.1 bilion ringgit untuk sektor pendidikan atau 21.6% daripada keseluruhan bajet tahunan.

5. Saya telah menjelajah pelbagai negara di seluruh dunia terutamanya negara Islam, tetapi percayalah akses kepada sistem pendidikan mereka masih lagi lemah. Terdapat terlalu banyak negara yang masih tidak membenarkan pelajar perempuan accessibility kepada pengajian tinggi. Kita patut bersyukur yang negara kita telah menyediakan prasarana yang baik untuk kita menimba ilmu di peringkat universiti.

6. Justeru, ambillah peluang belajar di USIM ini dengan bersungguh-sungguh. Walaupun saya datang daripada USM, Universiti Penyelidikan bertaraf 6 bintang dan berstatus APEX, saya

melihat USIM juga amat kondusif sebagai tempat menimba ilmu. Dua hari lepas, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa bersama-sama Tuan Pendaftar serta beberapa delegasi lain ada membawa saya melawat beberapa buah tempat di USIM ini seperti Pusat Komersil, Pusat Teknologi Maklumat dan Perpustakaan. Saya takjub dan teruja dengan prasarana yang begitu baik yang telah disediakan terutamanya di perpustakaan USIM. Rata-rata saya ingin menyatakan betapa bertuahnya pelajar USIM. Kemudahan yang disediakan sebenarnya setanding dengan IPTA lain *if not better*. Kita cuma perlu mengoptimalkan penggunaan ruang yang telah tersedia indah itu dengan lebih teliti.

### **Mahasiswa-mahasiswi Sekalian,**

7. Hargailah dan bersyukurlah dengan apa yang kita ada pada hari ini. Bagaimana pelajar complain pun di USIM, terdapat ramai lagi pelajar yang masih cuba nak belajar dalam rumah kedai.

8. Para pelajar sekalian, masa belajar yang ada sekarang ini gunalah sebaik mungkin. Jangan sesekali terlibat dengan perkara yang tidak berfaedah dan memudharatkan masa depan. Bukan senang ayah-bonda memerah keringat untuk memastikan kalian semua sampai ke peringkat ini. Ingatlah pesanan saya ini.

9. Akhir kata, tanpa membuang masa, saya bagi pihak USIM sekali lagi ingin merakamkan jutaan terima kasih atas kehadiran serta luangan masa **Yang Berhormat Dato' Seri** untuk mengadakan sesi Dialog Mahabbah pada hari ini. Semoga Dialog Mahabbah ini akan diberkati oleh Allah s.w.t dan memberikan manfaat kepada kita semua. Segala kekurangan di dalam penganjuran kali ini harap dimaafkan dan kami selepas ini ingin mohon mengundur diri dan memohon supaya **Yang Berhormat Dato' Seri** dapat meneruskan acara selanjutnya.

10. Sekian, *Wabillahit Tawfiq wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.*